

09/07/1997

IT bentuk kaedah baru perniagaan

Kamarul Rashdan Salleh

DEWASA ini aplikasi Teknologi Maklumat di dalam organisasi korporat semakin ketara sifatnya. Penggunaan jaringan Internet, mel elektronik, faksimili elektronik, rangkaian pangkalan data, sistem maklumat berpusat, persidangan video, persidangan data, teleteks, telepengiklanan, rangkaian radio, rangkaian televisyen, rangkaian penyiaran satelit, faksimili dan telefon mudah alih dan sebagainya kini dilihat sebagai suatu kemestian dalam menempuhi cabaran alaf baru.

Malahan dengan wujudnya Koridor Raya Multimedia (MSC) maka sudah pastinya nanti kita juga akan melihat betapa sebahagian besar daripada syarikat-syarikat gergasi yang berasaskan teknologi maklumat, komputer dan telekomunikasi saling bersaing menawarkan pelbagai produk menarik hingga menyukarkan kita untuk membuat sebarang keputusan untuk memilih mana yang terbaik.

Produk ini juga secara tidak langsung menukarkan peranan komputer peribadi (PC) kepada alat saluran dan penyebaran maklumat dan komunikasi. Fungsi komputer peribadi tidak lagi terhad penggunaannya untuk menaip dan mengira saja malahan turut membolehkan kita untuk menakluki informasi, menjaring data, merekacipta, mengurus jadual harian, mencari hiburan, meninjau permainan dan sebagainya.

Namun apa yang penting sekali ialah keupayaannya untuk membolehkan kita berkomunikasi dengan lebih mudah lagi, terutama dalam mengurus segala kegiatan korporat seperti perhubungan awam, kendalian mesyuarat, pengurusan kewangan, kawalan logistik dan sebagainya.

Hakikatnya tekanan persaingan di kalangan organisasi korporat dan penawaran pakej canggih oleh syarikat berasaskan teknologi maklumat, komputer dan telekomunikasi untuk menyokong kegiatan korporat ini mempengaruhi organisasi korporat bagi merancang semula strategi dan organisasi mereka dan mengaplikasikan pakej tersebut sebagai peluang terbaik meningkatkan produktiviti dan keuntungan serta menjimatkan kos dan masa.

Walaupun begitu, aplikasi teknologi maklumat ini sudah mula menimbulkan impaknya yang tersendiri terhadap dunia korporat. Sebahagian daripada organisasi korporat di United Kingdom dan Amerika Syarikat sudah mula mengambil inisiatif untuk memindahkan pusat kegiatan korporat mereka daripada lokasi yang mahal dari segi penawaran kosnya kepada lokasi yang murah terutamanya dari segi penawaran buruh dari segi penawaran buruh mahir seperti di rantau Asia dan Pasifik.

Aplikasi teknologi maklumat ini berkemampuan untuk melaksanakan segala tugas yang sebelumnya dilakukan oleh manusia dalam persekitaran fizikal yang sama. Ini sudah tentunya mengecilkan keperluan pekerja dalam persekitaran tersebut. Seandainya ini berlaku maka sudah pastinya pengecilan dari segi saiz organisasinya juga turut berlaku di mana peningkatan keuntungan dan penjimatan kos dijadikan sebagai sasaran utama.

Secara tidak langsung, keperluan mereka untuk menyewa atau memiliki bangunan korporat bagi penempatan ruang kerja organisasi sudah dirasakan semakin tidak diperlukan dan boleh mendatangkan kerugian jangka panjang.

Justeru itu, apakah mungkin aplikasi teknologi maklumat merupakan petanda awal bahawa bangunan korporat akan menjadi usang sebelum waktunya?

Ini kerana setiap evolusi canggih berlaku dalam dunia teknologi maklumat masa kini pastinya berpotensi untuk menghadirkan kesannya yang tersendiri terhadap bangunan korporat. Sebagai contohnya aplikasi persidangan video

akan membolehkan mesyuarat atau diskusi dijalankan dengan sesiapa saja dari mana-mana negara di seluruh dunia tanpa perlu untuk kita bergerak.

Malahan Datuk Seri Dr Mahathir dalam lawatannya ke United Kingdom baru-baru ini telah mengadakan perbincangan bersama melalui persidangan video dari London dengan wakil korporat di Wales. Manakala aplikasi persidangan data pula akan membolehkan kedua belah pihak saling mengirimkan sebarang dokumen untuk perbincangan, pembetulan dan pengesahan.

Sebagai contoh seorang pelajar boleh menyerahkan hasil disertasi kepada pensyarahnya di luar negara untuk komentar dan pembentukan tanpa perlu baginya ke luar negeri atau kiriman pos dan pensyarahnya juga boleh mengirimkan semula hasil semakan disertasi tersebut secara pantas dan menjimatkan.

Hakikatnya kecanggihan teknologi maklumat sedemikian rupa akan memudahkan lagi setiap individu untuk saling berkomunikasi, mendengar, melihat, mengirim maklumat dan bekerja secara bersama.

Benarkah fenomena pembangunan IT hanya gimik ciptaan syarikat yang berasaskan IT, komputer dan telekomunikasi bagi tujuan melariskan produk atau perkhidmatan mereka? Ikutilah jawapannya minggu depan.

(END)